

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PENDIDIKAN ISLAM ANAK-ANAK
MUALAF DI NEGERI
TERENGGANU**

ASMA' BINTI FAKHRUDDIN

Tesis dikemukakan bagi memenuhi
keperluan untuk ijazah
Sarjana
(Pengajian Islam Kontemporari)

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Januari 2023

ABSTRAK

Pendidikan Islam yang merangkumi komponen seperti akhlak, akidah, syariah dan ibadah perlu dipelajari oleh setiap manusia termasuk mualaf. Anak pula merupakan anugerah Allah SWT kepada hambaNya mestilah dipelihara dan diberikan pendidikan Islam termasuklah golongan anak mualaf yang perlu diberikan perhatian lebih serius. Namun, segelintir ibu bapa mualaf khususnya di Terengganu gagal mengembangkan identiti mualaf sebagai seorang Muslim disebabkan oleh kurangnya pengetahuan, pemahaman dan penghayatan Islam, dilihat bakal mengancam pendidikan Islam anak mualaf meskipun Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) telah menyediakan pendidikan Islam meliputi aktiviti, program dan kelas bimbingan agama kepada anak-anak mualaf. Apatah lagi, kajian yang menumpukan pendidikan anak mualaf kurang dilakukan sedangkan perkara ini mustahak dan perlu diberikan perhatian mendalam kerana kelompangan dalam memberikan pendidikan Islam mereka sejak kecil akan menggugat pengetahuan, kefahaman dan pengamalan Islam pada diri kepada anak-anak mualaf sehingga dibimbangi akan menjurus kepada kejadian murtad dengan mudahnya kelak terutamanya sewaktu di usia belia mereka sekiranya situasi ini dibiarkan berlanjutan. Justeru, kajian ini telah mengenal pasti dan merencami tahap pengetahuan dan kefahaman anak-anak mualaf di kelas bimbingan agama MAIDAM Terengganu terhadap komponen pendidikan Islam, faktor yang mempengaruhinya serta cabaran yang dihadapi. Kajian yang berbentuk kajian kes ini menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya merangkumi kajian perpustakaan, pemerhatian pengajaran dan temu bual separa berstruktur kepada 11 orang anak mualaf yang mengikuti kelas bimbingan agama di bawah Unit Dakwah Saudara Kita, MAIDAM Terengganu; selain anak-anak, empat orang ibu, seorang bapa dan tiga orang guru juga telah ditemu bual. Data-data yang diperolehi dianalisis secara induktif, deduktif, komparatif serta analisis dokumen. Kesemua data ini kemudiannya ditriangulasi dan dianalisis secara tematik terhadap transkrip temu bual seterusnya menghasilkan tema dan subtema menggunakan perincian ATLAS ti. *version* 8. Hasil kajian ini mendapati pengetahuan dan kefahaman sebahagian anak mualaf terhadap komponen pendidikan Islam berada pada tahap yang baik sehingga berhasil membentuk nilai-nilai Islam dalam diri mereka, manakala sebahagiannya lagi masih terdapat kelompangan dan perlu ditambahbaik. Manakala faktor yang mempengaruhinya pula didapati selaras dengan faktor pendidikan Islam dalam 'Konsep Pendidikan Islam Menurut Pemikiran Imam Al-Ghazali' iaitu tujuan pendidikan, pendidik, anak didik, persekitaran anak didik dan alat pendidikan tetapi belum dilaksanakan dengan sebaiknya. Cabaran yang dihadapi anak-anak mualaf untuk hadir ke kelas bimbingan agama pula meliputi pertembungan waktu kelas dengan waktu kerja dan kekangan pengangkutan. Justeru, beberapa cadangan dikemukakan kepada pihak tertentu bagi mempertingkatkan keberhasilannya agar mampu memberikan impak yang lebih berganda terhadap kefahaman dan penghayatan agama sekali gus mengelakkan kejadian murtad dalam kalangan anak mualaf di Terengganu. Kajian lanjutan boleh dilaksanakan di negeri-negeri lain serta memberikan perhatian dalam aspek lain berkaitan kajian terhadap anak-anak mualaf.

ABSTRACT

Islamic education that encompasses components like morality, creed, Shari'a and acts of worship needs to be learnt by all mankind including converts, or *mualaf*. A child, as God's gift to His servants must be protected and given Islamic education; this includes the children of converts who require a more serious attention. Nonetheless, few of the convert-parents especially in Terengganu have failed to play their role as new Muslims as they lack the knowledge, understanding and even compassion in Islam, and this is seen as a threat to the children's Islamic education, despite the fact that Council of Islam and Malay Custom, or MAIDAM has provided Islamic education which includes activities, programs and religious classes for the converts' children. What is more is that, studies focusing on convert children's education are scarce, when this is a crucial issue that requires a profound emphasis for the fact that the gap in Islamic education allocation early on can affect the children's knowledge, understanding and practice of Islam. This is feared to lead to incidents of deviancy, especially if this is a neglected issue. Thus, this study has identified and examined the level of knowledge and understanding of the children of converts in the Terengganu MAIDAM religious classes on the component of Islamic education, the influencing factors and the challenges faced. The study in the form of case study uses the full qualitative approach comprising of library study, teaching observation and semi-structured interview to 11 convert-children who enrol in the religious classes under the *Unit Dakwah Saudara Kita*, MAIDAM Terengganu; other than the children, four mothers, a father, and three teachers were also interviewed. The data obtained was analysed inductively, deductively, comparatively and the document analysis was also carried out. All the data on the interview transcriptions was then triangulated and analysed thematically before a theme and its sub-theme were produced, using ATLAS ti., *version 8*. The study outcome finds that the knowledge and understanding of the children on Islamic education is at a good level—they are able to form some good Islamic values within themselves, whereas some areas still illustrate a gap and necessitate improvement. Meanwhile, factors that influence it are in line with the factors of the Islamic education in 'Islamic Education Concept According To Imam Al-Ghazali' whereby the purpose of education, educators, the environment, and education tools have yet to be properly implemented. The challenges faced by the children to attend the religious classes include the class schedule that overlaps with the working hours, and transportation limitation. Thus, several suggestions have been put forth to relevant parties so that there will be a great impact on the children's understanding of the religion, and cases of deviancy among the convert-children in Terengganu can be avoided. Further studies can be carried out in other states, and other aspects can also be examined next, with regard to studies on the children of converts.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, seluruh ahli keluarga, para sahabat serta mereka yang mengikut jejak langkah dan perjuangan Baginda sehingga hari akhirat. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Ilahi di atas limpah kurnia, rahmat, bantuan dan izin-Nya, penulisan tesis ini berjaya disempurnakan.

Sekalung penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Azarudin bin Awang selaku penyelia yang telah banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar, bantuan, nasihat dan pandangan sepanjang penulisan kajian ini. Semoga Allah membalas segala jasa baik beliau dengan sebaik-baik ganjaran dan dilimpahkan rahmat ke atas beliau dan keluarga. Ucapan terima kasih juga buat semua pensyarah, dekan, pengurusan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Shah Alam yang telah banyak memberi bantuan sepanjang pengajian ini walaupun secara atas talian berikutan pandemik Covid-19 yang melanda dunia waktu itu. Begitu juga buat semua pegawai dan kakitangan UiTM yang telah membantu saya secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini. Saya turut menzahirkan penghargaan juga kepada pemeriksa tesis luar dan dalam kerana memberikan masa menilai tesis ini.

Pengkaji juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua peserta kajian yang terlibat secara langsung dalam kajian ini khususnya kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) Terengganu kerana memberikan kebenaran kepada saya untuk melaksanakan kajian bersama para responden. Tanpa sokongan dan bantuan yang dihulurkan sudah tentu pengkaji menghadapi kesukaran untuk mendapatkan data bagi melengkapkan kajian ini. Semoga segala sumbangan yang diberikan sama ada secara langsung atau tidak langsung akan diberikan ganjaran yang setimpal dan sebagai sedekah jariah yang bermanfaat buat kalian semua.

Penghargaan ini tidak lengkap tanpa ditujukan kepada insan yang paling istimewa yang sentiasa memberikan sokongan, pengorbanan dan kasih sayang yang berterusan serta restu dan doa tanpa henti untuk melihat saya berjaya pada peringkat pengajian ini, iaitu bonda [REDACTED] dan ayahanda Fakhrudin bin Abdul Rahman. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga buat adik-beradik, saudara mara atas sokongan dan doa yang diberikan. Penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada Dr Mohd Khairul Nizam Zainan Nazri dan Dr Mardiana Mat Ishak atas perkongsian ilmu pengurusan tesis sepanjang perjalanan pengajian sarjana saya hingga ke garisan penamat. Begitu juga buat seluruh CRMP, teman seperjuangan di dalam Platinum Premier dan Elite yang banyak memberi semangat dan motivasi serta doa agar pengajian ini dapat diselesaikan sebaiknya. Saya percaya dengan sokongan, bantuan dan doa restu semua, maka tesis dan kajian ini dapat diselesaikan. Akhir kata, semoga sedikit sumbangan ilmu dalam kajian ini dapat memberi manfaat dan membuka jalan untuk kajian yang lebih baik di masa hadapan.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xvi
JADUAL TRANSLITERASI	xviii
BAB 1: PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Batasan Kajian	10
1.7 Kepentingan Kajian	12
1.8 Kerangka Konseptual	14
1.9 Rumusan	15
BAB 2: SOROTAN LITERATUR	16
2.1 Pengenalan	16
2.2 Pendidikan Islam	16
2.2.1 Definisi Pendidikan	16
2.2.2 Falsafah Pendidikan Kebangsaan	18
2.2.3 Definisi Pendidikan Islam	19
2.2.4 Falsafah Pendidikan Islam	22